

**]PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru sementara yang telah diupah melalui MySTEP dan jumlah guru sementara yang telah ditempatkan di SK, SJKC, SJKT, SMK dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Di Bawah Inisiatif Short-Term Employment Program Tahun 2021, telah mengumumkan pelaksanaan inisiatif MySTEP sebagai langkah jangka pendek menangani isu pengangguran, membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat dan seterusnya membantu Kerajaan mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

Pelantikan perkhidmatan Personel MySTEP di sekolah-sekolah bertujuan untuk menampung kekosongan guru dalam jangka masa pendek di sekolah atas faktor-faktor seperti guru cuti bersalin, cuti menjaga anak dan berkursus jangka panjang.

Sehingga 28 September 2021, seramai 4,608 orang telah dilantik melalui perolehan perkhidmatan Personel MySTEP yang ditempatkan di sekolah-sekolah seperti berikut:

- i. Sekolah Kebangsaan seramai 2,115 orang;
- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan seramai 1,952 orang;
- iii. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina seramai 374 orang;
- iv. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil seramai 78 orang;
- v. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama seramai 63 orang;
- vi. Sekolah Rendah Agama seramai 16 orang; dan
- vii. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan seramai 10 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak kerugian ekonomi kepada negara kesan daripada pandemik COVID-19. Adakah sasaran 3.5% kadar pengangguran, 5.4% defisit Bajet, pertumbuhan GDP 7.5%, hutang dan liabiliti Kerajaan bawah RM1.25 trilion akan dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kemelesetan ekonomi dan perdagangan dunia pada tahun 2020 berikutan penularan wabak COVID-19 merupakan krisis yang terburuk sejak era, dengan izin, *the Great Depression* pada tahun 1930an. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, ekonomi Malaysia turut terjejas dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (atau KDNK) benar menguncup sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2020 disebabkan oleh langkah pembendungan yang ketat bagi mengawal pandemik COVID-19.

2. Berikutan pelbagai inisiatif bagi memulihkan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19 di samping melindungi nyawa dan kehidupan rakyat, trend pemulihan ekonomi telah dapat dilihat di mana ekonomi negara telah berkembang sebanyak 7.1 peratus pada separuh pertama tahun 2021 berbanding penguncupan sebanyak 8.4 peratus pada tempoh yang sama tahun 2020. Walau bagaimanapun, pelaksanaan semula langkah pembendungan pandemik yang lebih ketat mulai Mei 2021 susulan ancaman varian baharu COVID-19 telah menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi pada tahun 2021. Justeru, unjuran pertumbuhan ekonomi tahun 2021 telah disemak semula pada bulan Ogos 2021 kepada antara 3 hingga 4 peratus, iaitu lebih rendah berbanding anggaran awal pada bulan Mac 2021 antara 6 hingga 7.5 peratus.

3. Pasaran buruh juga masih belum stabil sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran telah menyederhana kepada 4.8 peratus pada Julai 2021 atau 778,200 orang berbanding 5.3 peratus atau 826,100 orang pada Mei 2020, iaitu kadar tertinggi yang pernah dicatatkan sejak 1990. Di samping itu, pelaksanaan Pelan Pemulihan Nasional (atau PPN) secara berfasa dijangka dapat mengukuhkan kedudukan ekonomi negara dan terus mengurangkan kadar pengangguran.

4. Pasaran buruh dijangka akan pulih semula pada tahun hadapan dengan andaian pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial pada suku keempat tahun ini berikutan kemajuan dan keberkesanan pelaksanaan program imunisasi COVID-19 yang memberangsangkan, serta penerusan pelaksanaan program penstabilan pekerjaan seperti program subsidi upah, insentif pengambilan pekerja serta peningkatan kemahiran dan latihan semula pekerja. Oleh itu, kadar pengangguran dijangka terus berkurang bagi keseluruhan 2021 dan ekonomi dijangka kembali mencatat guna tenaga penuh pada 2022.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam Belanjawan 2021, defisit fiskal tahun 2021 telah diunjurkan sebanyak 5.4 peratus berbanding KDNK berdasarkan jangkaan awal ekonomi akan berkembang pada kadar 6.5 hingga 7.5 peratus. Walau bagaimanapun, bagi membendung gelombang ketiga penularan COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (atau PKP). Pelaksanaan PKP bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan rakyat, malah dijangka turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan kutipan hasil Kerajaan.

6. Kerajaan telah mengumumkan empat pakej bantuan tambahan tahun ini, iaitu PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH bernilai RM225 bilion dengan suntikan fiskal baharu yang dianggarkan berjumlah RM25 bilion, bagi terus meningkatkan kapasiti kesihatan awam, memelihara kebajikan rakyat dan kelangsungan perniagaan. Justeru, paras defisit fiskal 2021 dijangka akan meningkat kepada sekitar 6.5 hingga 7 peratus daripada KDNK.

7. Susulan daripada itu, sehingga akhir Ogos 2021, hutang keseluruhan Kerajaan Persekutuan mencatat 965.3 bilion ringgit atau 63.3 peratus berbanding KDNK. Daripada jumlah ini, hutang statutori yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (atau MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (atau MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (atau MITB) mencatat 59.2 peratus berbanding KDNK, iaitu masih di bawah had statutori 60 peratus.

8. Selain daripada hutang Kerajaan Persekutuan, Kerajaan juga menanggung komitmen liabiliti lain, seperti komitmen jaminan hutang syarikat berkaitan Kerajaan yang diberi peruntukan untuk pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur dan utiliti awam, hutang prinsipal syarikat 1Malaysia Development Berhad (atau 1MDB) serta liabiliti kewangan lain yang meliputi projek kerjasama awam swasta (atau PPP) dan projek di bawah inisiatif pembiayaan swasta (atau PFI) dan PBLT Sdn. Bhd. Secara keseluruhannya, kedudukan pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2021 dianggarkan berjumlah 1,333.3 bilion ringgit atau 87.5 peratus berbanding KDNK.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Bagi mengurangkan impak pengurangan hasil dan keperluan perbelanjaan tambahan, Kerajaan akan melaksanakan langkah rasionalisasi perbelanjaan dan mengenalpasti sumber hasil tambahan dalam ekosistem fiskal Kerajaan. Pada masa ini, keutamaan Kerajaan adalah melindungi rakyat daripada ancaman COVID-19 selain memastikan prospek pertumbuhan ekonomi kekal kukuh dalam jangka sederhana dan panjang, disokong oleh PPN serta pengurusan kewangan yang berhemat.

Sekian, terima kasih.